

# PM akan diminta timbangkan semula kenaikan sewa flet

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin — Ahli Parlimen Kuala Lumpur Bandar, Encik Lee Lam Thye, akan menghantar memorandum kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beberapa hari lagi supaya menimbangkan semula kenaikan kadar sewa rumah pangsa harga murah Dewan Bandaraya.

Dalam satu kenyataan, Encik Lee menjelaskan kenaikan yang akan berkuatkuasa mulai 1 Ogos depan itu terlalu tinggi dan menyebabkan kesulitan dan menjadi beban kepada penyewa-penyewa untuk membayarnya.

Mengikut kadar baru itu sewa rumah panjang akan dinaikkan dari \$30 kepada \$50 dan bagi rumah pangsa pula kenaikannya adalah dari \$65 hingga \$125.

Beliau mendakwa ramai penyewa-penye-

wa yang datang mengadu kepada beliau dan beberapa orang lagi Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan mengenai kenaikan yang tinggi itu.

"Mereka bukanlah membantah tentang kenaikan itu tetapi mahu supaya kadar kenaikan berpatutan dengan pendapatan mereka supaya dapat membayarnya," ujarnya.

Encik Lee meminta Perdana Menteri menimbangkan dengan sungguh-sungguh kenaikan itu dan berharap beliau dapat menurunkan kadarnya.

Beliau meratakan kenaikan 30 hingga 50 peratus sahaja sudah berpatutan dan bukannya 66 hingga 150 peratus seperti yang diarahkan itu.